

TEKS UCAPAN

YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH

KETUA PENGARAH

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS PENGHARGAAN KECEMERLANGAN

DAN PERHIMPUNAN BULANAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PADA

15 DISEMBER 2015

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

YBERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

YBHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

YBERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat sama-sama hadir dalam Majlis Penghargaan Anugerah Kecemerlangan dan Perhimpunan Bulanan LLM yang terakhir bagi tahun 2015 ini. Hanya tinggal 2 minggu lagi kita akan melangkah ke tahun baru 2016. Dengan meningkatnya usia dan kematangan kita, begitu juga dengan usia penubuhan LLM ini sendiri, kita perlu menilai semula segala perancangan yang dibuat dicapai sepenuhnya dan mengambil ikhtibar ke atas segala cabaran dan kejayaan serta dugaan yang kita telah tempuhi.

ANUGERAH KECEMERLANGAN

- **PENGURUSAN KEWANGAN (AI)**

2. Sebagaimana kita semua sedia maklum LLM telah dianugerahkan 4 bintang ke atas Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) tahun 2014. Ianya adalah satu pencapaian tertinggi LLM dengan kedudukan pertama antara Badan-badan Berkanun lain. Prestasi keseluruhan pengurusan kewangan LLM telah menunjukkan peningkatan daripada tahap memuaskan iaitu 69.72% pada tahun 2011 kepada tahap sangat baik iaitu 96.88% pada tahun 2014. Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan LLM telah diurus dengan teratur dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang ditetapkan. Hasil daripada pengauditan ini, satu penilaian dibuat untuk memberi penarafan terhadap prestasi pengurusan kewangan.

Pengauditan ini dijalankan dengan meneliti Akta Tubuh LLM, peraturan kewangan, minit mesyuarat dan memeriksa rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan kewangan LLM bagi tahun 2014. Di samping itu, perbincangan dan temu bual diadakan dengan pegawai LLM yang berkenaan.

Penganugerahan telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dalam satu majlis yang telah diadakan pada 2 Disember 2015 di Jabatan Perdana Menteri.

3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan penghargaan kepada semua warga LLM yang secara langsung atau yang tidak langsung terlibat serta memberikan bekerjasama dalam mencapai kejayaan AI ini. Terdapat juga pegawai dan kakitangan yang bertungkus lumus tanpa mengira waktu semasa membuat persediaan auditan AI. Pengurusan LLM amat menghargai komitmen mereka.

ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2015

4. Kementerian Kerja Raya Malaysia telah menganjurkan Hari Inovasi KKR pada 29 Oktober 2015. Pelbagai Anugerah Inovasi telah dilaksanakan sempena sambutan Hari Inovasi KKR 2015. Tema Hari Inovasi KKR pada tahun ini adalah 'Inovasi Memacu Produktiviti'. Lembaga Lebuhraya telah memenangi Naib Johan bagi Anugerah Inovasi ICT untuk projek Sistem Maklumat Pengurusan Tanah, Johan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi kategori teknikal bagi Kumpulan INSPIRA , Naib Johan KIK bagi kategori pengurusan oleh Kumpulan SUKSES dan tempat ketiga oleh Kumpulan PRO-OPS. Pengurusan LLM turut menzahirkan penghargaan kerana kemenangan yang diraih oleh LLM ini menunjukkan warga LLM komited

dan sentiasa berinovasi dalam melahirkan idea-idea inovatif dan kreatif untuk penambahbaikan kerja dan penyampaian perkhidmatan.

Hadirin yang dihormati sekalian

SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT KKR 2015

5. Kementerian Kerja Raya Malaysia juga telah menganjurkan Majlis Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat 2015 pada 1 Disember 2015 di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid sebagai mencerminkan iltizam KKR untuk terus memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Lembaga Lebuhraya Malaysia telah menghantar peserta ke pertandingan Lagu Puisi dan Pidato yang diadakan sempena majlis tersebut. LLM telah berjaya mendapat Johan dan saguhati dalam pertandingan Pidato, Johan dan Naib Johan dalam pertandingan nyanyian Lagu Puisi. Sekalung ucapan tahniah diucapkan kepada peserta LLM. Diharapkan pada masa yang akan datang lebih banyak penyertaan daripada warga LLM yang dapat kita hantar ke peringkat Kementerian Kerja Raya atau lebih jauh dari itu.

PEMBUKAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT SERI KEMBANGAN LEBUHRAYA

MEX

6. Umum mengetahui bahawa Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan, Lebuhraya MEX telah dibuka kepada awam pada 13 Disember 2015 dan tiada kutipan tol selama sebulan lanjutan dari lawatan tapak oleh YB Menteri Kerja Raya pada 8 Disember 2015. Kerja-kerja pembinaan persimpangan bertingkat ini telah dimulakan pada 2 Disember 2013 dan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat konsesi, sebanyak RM112 juta.

7. Dengan siapnya persimpangan ini, ianya menyediakan akses terus dari kawasan Seri Kembangan, Serdang dan Puchong untuk memasuki Lebuhraya MEX. Dengan pembukaan persimpangan bertingkat ini, ianya dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak di Jalan Putra Permai serta kawasan sekitar Seri Kembangan khususnya Taman Universiti Indah, Taman Puncak Jalil dan Taman Equine. Selain itu, Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan ini juga akan menyediakan akses terus ke Bandaraya Kuala Lumpur dan Putrajaya melalui Lebuhraya MEX. Masa perjalanan ke Kuala Lumpur pada waktu puncak dapat disingkatkan iaitu dari 1 jam kepada 20 minit. Saya berharap LLM bersama syarikat konsesi akan membuat pemantauan berterusan bagi menjaga kualiti lebuhraya ini dan meminimumkan aduan daripada pengguna lebuhraya.

PEMBERIAN KHAS PENJAWAT AWAM TAHUN 2015

8. Sepertimana hadirin sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pemberian khas sebanyak RM500.00 kepada kakitangan Kerajaan manakala pesara Kerajaan pula akan menerima bayaran khas RM250 sebagai penghargaan di samping meringankan beban kos sara hidup. Kedua-dua bayaran ini yang berjumlah hampir RM1 bilion akan dibuat pada bulan Januari 2016. Pembayaran kepada semua kakitangan LLM bagi pemberian khas sebanyak RM500 ini akan dibuat pada 4 Januari 2016. Oleh yang demikian, kita seharusnya berterima kasih di atas keprihatinan Kerajaan dengan melakukan yang terbaik dalam tugas kita sebagai penjawat awam. Kita perlu fokus dan menjaga amanah yang telah diberikan selaku penjawat awam. Marilah kita bersama-sama menjayakan Agenda Transformasi Negara demi pembangunan negara kita.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Bagi mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang telah terlibat dalam pencapaian Kecemerlangan LLM yang telah membawa nama Lembaga Lebuhraya Malaysia ke taraf yang lebih tinggi. Di samping itu, saya juga menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Di sini saya juga ingin mendoakan agar tahun 2016 yang bakal tiba menjanjikan kerahmatan kepada semua warga LLM dan juga industri lebuhraya

bertol yang diterajui oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui majlis kita hari ini.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.